

11 calon rebut tujuh kerusi umum KUTKM

Archival News | Utusan Malaysia | 19/09/2006

MELAKA 18 Sept. - Seramai 11 calon mendaftar bagi merebut tujuh kerusi umum dalam pilihan raya kampus Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) bagi sesi 2006/2007.

Menurut Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (Hepa) KUTKM, Datuk Prof. Dr. Mohd. Nor Hussain, pilihan raya kampus akan diadakan pada Khamis ini di Kampus Industri Ayer Keroh dan Kampus Tetap Durian Tunggal di sini.

"Ia dijalankan serentak dengan kesemua institusi pengajian tinggi awam (IPA) lain di negara ini," kata beliau dalam satu kenyataan kepada media di sini hari ini.

Menurut beliau, bagi kerusi fakulti pula, seramai 21 calon akan bertanding merebut sejumlah 15 kerusi yang diperuntukkan.

Beliau menjelaskan, KUTKM mempunyai lima fakulti dan setiap fakulti telah diperuntukkan tiga kerusi.

Katanya, Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi menerima lima pencalonan sementara Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer, Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Fakulti Kejuruteraan Pembuatan serta Fakulti Kejuruteraan Mekanikal menerima empat pencalonan.

Keputusan pilihan raya, kata Mohd. Nor, akan diumumkan kira-kira pukul 6 petang di Dewan Jukebox, Kampus Industri Ayer Keroh pada hari tersebut.

(Source : Utusan Malaysia)